

Iklan Kekosongan Jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD) Gred DGA34 dan DGA32 bagi mengisi jawatan di Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia

**IKLAN TAWARAN MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP)
GRED DG41, DGA34 DAN DGA32
DI LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

1. Syarat-Syarat Umum

- 1.1 PPP Siswazah dan PPP Lulusan Diploma yang sedang berkhidmat di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia;
- 1.2 Gred jawatan pemohon adalah berdasarkan kepada gred jawatan hakiki di tempat yang dipohon seperti berikut:
 - i) Gred Hakiki Jawatan PPPS DG41 – Pemohon mestilah PPPS DG44(KUP)/ DG41;
 - ii) Gred Hakiki Jawatan PPPLD DGA34 – Pemohon mestilah PPPLD DGA34/ DGA34(KUP)/ DGA32 (Memangku) DGA34; dan
 - iii) Gred Hakiki Jawatan PPPLD DGA32 – Pemohon mestilah PPPLD DGA32/ DGA32(KUP)/ DGA29 (Memangku) DGA32
- 1.3 Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- 1.4 Bebas dari tindakan tatatertib atau tindakan Mahkamah; dan
- 1.5 Mempunyai markah Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) yang baik untuk tiga (3) tahun terakhir.

2. Syarat Khusus

- 2.1 Permohonan hendaklah daripada PPP yang mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya tiga (3) tahun;
- 2.2. Keutamaan akan diberi kepada PPP yang mempunyai pengalaman dalam bidang pentaksiran/ pengoperasian/ pengurusan peperiksaan; dan
- 2.3 PPP yang mempunyai opsyen dalam bidang Teknikal/ Vokasional adalah digalakkan untuk memohon.

3. Penempatan

- 3.1 Calon-calun yang dipilih akan disenarai pendek untuk urusan temu duga dan penempatan adalah di Lembaga Peperiksaan Putrajaya/ Jalan Duta (mengikut kekosongan yang ada).

4. Cara Memohon

- 4.1. Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang PPPP/LP 09 dan dikemukakan bersama-sama dokumen-dokumen berikut:-

- i) Salinan Kad Pengenalan;
- ii) Salinan Surat Tawaran Lantikan Sekarang (DG41/ DGA29);
- iii) Salinan Surat Pengesahan Dalam Perkhidmatan Lantikan Sekarang (DG41/ DGA29);
- iv) Salinan Surat Kenaikan Pangkat Sekarang (DG44/ DGA34/ DGA32);
- v) Salinan Buku Rekod Perkhidmatan (BRP); dan
- vi) Salinan sijil-sijil yang berkaitan.

- 4.2 Borang Permohonan boleh didapati daripada Laman Web Lembaga Peperiksaan <http://www.moe.gov.my/lpm> dan dihantar terus ke:

**Lembaga Peperiksaan
Aras 12, Blok E11
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P Putrajaya
(u.p.: Unit Pengurusan Sumber Manusia)**

- 4.3 Permohonan yang tidak lengkap, tidak memenuhi syarat atau maklumat yang diberi tidak benar dan tidak disokong oleh Ketua Jabatan tidak akan dipertimbangkan.

- 4.4 Sebarang pertanyaan atau penjelasan lanjut mengenai permohonan ini bolehlah diajukan kepada pegawai seperti berikut:-

Puan Mazra Neesha binti Abdul Hussin	03-8884 3040
Cik Nor Lizawati binti Arifin	03-8884 3041
Puan Rahayuzawati binti Ab Rashid	03-8884 3081
Cik Noryasmi binti Che Hashim	03-8884 3082

5. Tarikh Tutup Permohonan

- 5.1 Permohonan adalah dibuka sepanjang masa.